

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah PATI di Sabah, setelah pembatalan PSS.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berkenaan Pas Sementara Sabah (PSS), ianya adalah cadangan untuk mengatasi masalah kepelbagaian dokumen yang berlaku dalam kalangan keturunan pelarian Filipina di Sabah. PSS tidak dikeluarkan kepada golongan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah. Ramai yang keliru mengenai perkara ini dan selalu mengaitkan PSS sebagai pemberian dokumen kepada PATI. Namun demikian, perancangan pelaksanaan PSS ini telahpun dibatalkan.

2. Berkenaan usaha membanteras kebanjiran PATI, pihak Kerajaan tidak pernah berhenti dalam usaha mengekang kebanjiran PATI di seluruh negara termasuk Sabah. Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), agensi yang berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah bersama Jabatan Imigresen Negeri Sabah dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) tetap melaksanakan pengusiran tahanan PATI di negeri Sabah.

3. Sehingga hari ini, seramai 6,162 orang PATI dari pelbagai negara telah ditahan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) manakala seramai 4,751 orang PATI berjaya diusir walaupun negara asal mereka iaitu Filipina dan Indonesia melaksanakan penutupan sempadan akibat wabak COVID-19, hasil kerjasama dan rundingan dengan negara-negara berkenaan.

4. Kawalan pintu sempadan negara ketika ini telah dipertingkatkan melalui Ops Benteng yang diaktifkan sejak bulan Mei yang lalu di bawah National Task Force (NTF) yang dibentuk hasil kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dan lain-lain agensi penguatkuasa di bawah NTF. Ops Benteng bertujuan mengekang kemasukan PATI yang juga berisiko membawa ancaman wabak penyakit COVID-19.